

Isu pindaan Perlembagaan

Helah kotor DAP: Adib



TANGKAK, Sabtu — Menteri Pengerangan, Datuk Seri Adib Adam, mendedahkan taktik kotor Dap menggunakan isu pindaan perlembagaan bagi menggagalkan pelaksanaan pembentukan 22 kawasan pilihanraya parlimen baru di seluruh negara.

Katanya, yang dihebohkan oleh Setiausaha Agung Dap, Encik Lim Kit Siang, bukanlah mengenai pindaan fasal 66 (5), tetapi ialah fasal 46 iaitu mengenai pembentukan kawasan pilihan-

raya parlimen tambahan.

Pemimpin Dap itu takut menghadapi kenyataan kerana pertambahan kawasan parlimen akan menjejaskan sokongan rakyat yang semakin merosot terhadap parti itu, katanya, merasmikan kursus kepimpinan dan pentadbiran Umno Bahagian Ledang.

Bellau berkata, adalah tidak benar pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh parlimen itu bertujuan menjejaskan kedudukan raja-raja.

Katanya, fasal 159 dalam perlembagaan negara terlalu kuat dan tidak ada pindaan yang boleh dibuat dalam fasal ini, termasuk kedudukan raja-raja Malaysia.

Fasal 159 itu termasuk

Oleh
RADZI MUSTAPHA

seluruh bahagian tiga perlembagaan iaitu mengenai kewanganeeraan, fasal 63 (4) hak keistimewaan parlimen, fasal 70 jaminan terhadap perlembagaan negeri, fasal 71 jaminan terhadap Dewan Perundangan Negeri, fasal 152 Bahasa Kebangsaan, fasal 153 hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera.

Datuk Seri Adib berkata, fasal 40 pula memberi hak mutlak kepada raja secara tersendiri menentukan tiga perkara iaitu:

- Melantik Perdana Menteri,
- Menangguhkan pembubaran parlimen dan
- Memanggil persi-

dangan raja-raja.

Menteri Pengerangan itu berkata, Yang di-Pertuan Agong juga sentiasa diberitahu mengenai sebarang perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat mingguan jemaah menteri yang diadakan setiap hari Rabu.

Menurutnya, setiap pagi Rabu, antara jam 8.30 dan 9 pagi, Perdana Menteri akan mengadakan Yang di-Pertuan Agong menyebarkan kertas-kertas yang akan dibincangkan dalam mesyuarat jemaah menteri yang bermula jam 10 pagi, hari itu.

Biasanya, semua kertas, termasuk rang un-

dang-undang yang dibincangkan dalam mesyuarat jemaah menteri itu, dibuat setelah mendapat persetujuan Seri Paduka Banginda.

"Ada juga kalanya, jika Yang di-Pertuan Agong meminta sesuatu rang undang-undang itu ditangguhkan, jemaah menteri bersetuju dengan Seri Paduka Banginda," tegas Datuk Seri Adib.

Terpengaruh

Bellau mengingatkan ahli-ahli Umno jangan lekas terpengaruh dengan dakyah Dap yang seronok melihat orang Melayu bertelagah sesama sendiri.

Sebenarnya, tujuan Encik Lim ialah untuk

melaikan ahli-ahli Umno dan Barisan Nasional supaya perkara berhubung pembentukan kawasan pilihanraya baru itu, gagal dilaksanakan.

Dalam rencana 'The Rocket' akhbar Dap, Encik Lim juga cuba sekali lagi menggelirukan rakyat dengan menyatakan, jika pindaan perlembagaan itu tidak ditandatangani sehingga Mac tahun depan, pembentukan kawasan parlimen baru terpaksa ditangguhkan sepuluh tahun lagi.

"Ini sungguh menggelirukan kerana apa yang sebenarnya ialah pindaan itu mesti ditandatangani sebelum akhir bulan ini, jika pembentukan kawasan parlimen baru itu hendak dilaksanakan," tegas bellau.